

| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | ABS 2016 perkasa industri buluh | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Color | Full Color |
| Date | 26 Sep 2016 | Circulation | 171,663 |
| Section | Mega | Readership | 563,000 |
| Page No | 23 | ArticleSize | 834 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 16,483 |
| Journalist | ASHRIQ FAHMY AHMAD | PR Value | RM 49,450 |
| Frequency | Daily | | |



ABS 2016 perkasa industri buluh

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@gmail.com

BULUH merupakan sumber hutan bukan kayu yang berpotensi besar untuk diketengahkan sebagai alternatif kepada balak.

Walau bagaimanapun potensinya di negara ini masih belum diteroka secara besar-besaran berikutan kurangnya pengetahuan dan pendedahan berkenaan tumbuhan tersebut.

Selain itu, buluh di negara ini hanya digunakan secara tradisional menyebabkan kadar pembusuan ke peringkat antarabangsa amat kurang.

Menurut Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

(MTIB), Datuk Dr. Jalaluddin Harun, jumlah eksport buluh negara hanya sekitar RM5 juta sahaja setahun berbanding RM22.1 bilion bagi keseluruhan eksport perabot.

"Angka ini menunjukkan pengguna dalam sektor industri perkayuan kurang berminat untuk menghasilkan produk berdasarkan buluh.

"Selain itu, kurangnya sumber bahan mentah juga menyebabkan pengusaha produk berdasarkan buluh agak berkurangan," katanya ketika di temui di ibu negara baru-baru ini.

Jelas Dr. Jalaluddin lagi, Malaysia ketika ini masih tidak memiliki ladang buluh secara besar-besaran untuk tujuan komersial dan eksport.

"Kita masih mengharapkan sumber semula jadi iaitu buluh yang dituai daripada hutan belantara sebagai bahan utama."



JALALUDDIN HARUN

"Keadaan tersebut dilihat tidak sesuai jika kita ingin mengembangkan industri berdasarkan buluh secara besar-besaran," katanya.

Untuk memastikan industri berdasarkan buluh terus berkembang seiring dengan industri perkayuan lainnya, sesuatu perlu

dilakukan terutamanya kempes kesedaran dalam kalangan orang ramai sebagai pengguna dan juga pengusaha tentang potensi buluh.

"Banyak kajian dan produk berdasarkan buluh telah dibuat namun di mana silapnya produk-produk tersebut tidak dapat dikomersialkan dengan baik," katanya.

Oleh yang demikian, MTIB bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

(Pusaka) mengambil inisiatif menganjurkan Simposium Buluh ASEAN (ABS 2016).

"Simposium ini bakal memupuk kesedaran berkenaan buluh sebagai suatu sumber lestari serta meningkatkan kerjasama pelbagai halal berkenaan teknologi buluh dalam kalangan negara rantaui ASEAN untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan."

"Selain itu, program ini juga dapat mempertingkatkan kadar pengkomersialan produk buluh selain menggalakkan penglibatan masyarakat dalam industri ini," katanya.

Dalam pada itu, Malaysia merupakan salah sebuah negara pengeluar dan pengeksport utama produk-produk kayu. Pada tahun 2015, nilai eksport kayu dan produk kayu adalah RM22.14 bilion iaitu 18.91 peratus daripada keseluruhan eksport produk komoditi bernilai RM117 bilion.

Tiga produk utama kayu-kayuan yang dieksport terdiri daripada perabot, papan lapis dan kayu gergaji.

Keluaran kayu-kayuan tersebut dieksport ke lebih 150 negara termasuklah antaranya Jepun, Amerika Syarikat dan selain rantaui Kesatuan Eropah.

Di samping pasaran eksport, pasaran domestik produk kayu tidak kurang pentingnya, dengan

anggaran saiz pasaran bernilai RM13 bilion setahun.

Permintaan domestik tertumbuh kepada sektor pembinaan, hiasan dalaman dan perabot.

Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) telah menyediakan rangka untuk memaju dan memantapkan pembangunan industri tersebut menjelang tahun 2020.

Di bawah NATIP, pendapatan nilai eksport produk perkayuan disasarkan mencapai RM53 bilion menjelang tahun 2020.

Jumlah tersebut boleh dinisbahkan dengan komposisi produk hilir bernilai tambah sebanyak 60 peratus berbanding dengan produk hulu sebanyak 40 peratus.

Bagi merealisasikan sasaran tersebut, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh industri perkayuan tempatan yang perlu ditangani.

Antaranya adalah kekangan bahan mentah, tenaga kerja mahir, persaingan dari negara pengeluar lain, inovasi dan teknologi pemprosesan.

Di dalam hal tersebut, kementerian telah pun menubuhkan Jawatankuasa Induk Perlaksanaan NATIP bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh industri perkayuan tempatan.



| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | ABS 2016 perkasa industri buluh | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 26 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Mega | Circulation | 171,663 |
| Page No | 23 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 834 cm ² |
| Journalist | ASHRIQ FAHMY AHMAD | AdValue | RM 16,483 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 49,450 |

FAKTA

SIMPOSIUM BULUH ASEAN (ABS 2016)

- Dianjurkan sempena sambutan Hari Buluh Sedunia (*World Bamboo Day*) yang menghimpunkan 17 syarikat tempatan dan luar negara untuk mempromosikan produk berdasarkan buluh.
- **Tarikh:** 27 hingga 29 September 2016.
- **Lokasi:** Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).
- Tema-tema yang akan dibincangkan
 - Perladangan dan Pengurusan Buluh dan Pembangunan Produk.
 - Teknologi dan reka bentuk buluh.
 - Pemasaran dan Pengkomersialan Produk Buluh.
 - Komuniti dan Buluh.
- Sebanyak empat ucapan dasar disampaikan oleh pakar buluh yang terkenal dari Belanda, China dan Malaysia.
- Sebanyak 25 pembentangan lisan oleh pembentang dari negara-negara Asean (Indonesia, Filipina dan Thailand), China, India, Amerika Syarikat, Kanada, Ethiopia dan Brazil.
- Lapan poster pembentangan yang terdiri daripada bidang teknologi, pembangunan produk dan reka bentuk akan dibentangkan daripada peserta Sepanyol, Jepun dan Malaysia.